

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan jaminan kerajaan dalam pinjaman RM 500 juta kepada AirAsia Group Berhad :-

- (a) apakah pertimbangan Kerajaan dalam menawarkan jaminan kepada hutang bernilai separuh bilion ringgit sedangkan AirAsia mempunyai rekod hutang tertunggak yang tinggi; dan
- (b) apakah “recourse” kepada Kerajaan sekiranya Air Asia gagal membayar pinjaman tersebut yang boleh memudaratkan industri pelancongan dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (SJPD) merupakan sebuah skim bantuan pembiayaan berjaminan Kerajaan yang diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri di dalam ucapan PRIHATIN pada 27 Mac 2021 berikutan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia. SJPD diperkenalkan sebagai langkah jangka pendek dan sederhana, bagi menyokong keupayaan kredit sektor korporat supaya mampu berdaya tahan. Oleh itu, bagi memastikan kecairan berterusan dalam pasaran modal, institusi kewangan memerlukan mekanisme jaminan daripada Kerajaan untuk meningkatkan keyakinan institusi kewangan dalam menyediakan kemudahan pinjaman.

Dalam masa yang sama, kepentingan Kerajaan turut diambil kira dalam memastikan komitmen kewangan Kerajaan tidak bertambah akibat pendedahan risiko kewangan. Sehubungan itu, Danajamin selaku pelaksana terhadap skim ini telah dilantik atas rekod pengurusannya yang baik dan efisien. Sebarang permohonan untuk skim ini akan diurus dan disemak secara teliti oleh Danajamin bagi memastikan risiko pendedahan yang Kerajaan terima tidak terlalu membebankan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan tidak menghalang mana-mana syarikat untuk menyertai skim ini dan ini termasuklah syarikat AirAsia yang kita sedia maklum sedang mengalami masalah kewangan akibat pandemik COVID-19. Oleh itu, Danajamin telah menerima permohonan tersebut dari institusi-institusi kewangan yang secara bersama (*syndicated*) telah meluluskan kemudahan pembiayaan modal kerja kepada AirAsia sebanyak RM300 juta dengan jaminan Kerajaan sebanyak 80% daripada jumlah pembiayaan. Walau bagaimanapun, mengambilkira permohonan pembiayaan oleh AirAsia adalah berjumlah RM500 juta, kelulusan jaminan ke atas pembiayaan oleh AirAsia adalah juga tertakluk kepada keupayaan AirAsia untuk mendapatkan tambahan pembiayaan sehingga RM500 juta.

Secara amnya, permohonan oleh AirAsia ini telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah skim ini yang turut diguna pakai bagi semua permohonan syarikat-syarikat lain dan tiada layanan khas diberikan kepada mana-mana syarikat. Sekiranya AirAsia gagal melaksanakan pembayaran pinjaman tersebut, obligasi Kerajaan ke atas pinjaman tersebut secara efektifnya adalah berjumlah RM240 juta dari jumlah prinsipal pembiayaan manakala selebihnya akan ditanggung oleh institusi-institusi kewangan terlibat. Selain itu, Kerajaan turut mempunyai hak ke atas sekuriti yang dicagarkan untuk pemberian jaminan serta berhak untuk mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya di bawah proses pemulihan hutang terhadap AirAsia.

Sekian, terima kasih.